



جَمَاعَةُ خَلِّ الْإِسْلَامِ كِتَابَةٌ

KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

22 SYAABAN 1443H / 25 MAC 2022M

KEPENTINGAN MENYIMPAN UNTUK PERSARAAN SECARA PATUH SYARIAH

Disediakan oleh:


Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)
Dengan Kerjasama
Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP)

Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang **bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis** dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman **denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.**
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh **Imam Qariah** atau **Imam Rawatib** yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh **10 - 15 minit** sahaja.

KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 21. 03. 2022

PEGAWAI PENYEMAK : 

AWANG JURI BIN AG TAHIR
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pentadbiran Wilayah dan Daerah
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 23/03/2022

DIBACA PADA : 25/03/2022

DILULUSKAN OLEH :

BAHARUDIN HJ. ALWI
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penyelidikan & Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

KHUTBAH PERTAMA
KEPENTINGAN MENYIMPAN UNTUK PERSARAAN SECARA PATUH
SYARIAH

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبْسُطْهَا كُلَّ الْبَسْطِ فَتَقْعُدَ مَلُومًا مَّحْسُورًا ﴿٢٩﴾
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَىٰ يَوْمِ
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita sama-sama meningkatkan nilai ketakwaan terhadap Allah SWT dengan menitikberatkan sumber rezqi yang halal agar kehidupan kita sentiasa terdorong untuk melakukan kebajikan seterusnya terhindar dari perbuatan dosa dan maksiat. Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah bertajuk “**KEPENTINGAN MENYIMPAN UNTUK PERSARAAN SECARA PATUH SYARIAH**”

JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT SEKALIAN,

Menyimpan sebahagian daripada pendapatan dan tidak boros dalam membelanjakannya adalah sesuatu yang amat dituntut di dalam Islam.

Allah SWT mengingatkan kita supaya sentiasa seimbang dalam berbelanja supaya tidak tergolong di kalangan mereka yang tercela kerana sifat kikir atau jatuh ke kancah kemiskinan kerana boros dalam berbelanja. Firman Allah dalam surah al-Isra’; ayat 29:

وَلَا تَجْعَلْ يَدَكَ مَغْلُولَةً إِلَىٰ عُنُقِكَ وَلَا تَبْسُطْهَا كُلَّ الْبَسْطِ فَتَقْعُدَ مَلُومًا مَّحْسُورًا ﴿٢٩﴾

Maksudnya: “Dan janganlah engkau jadikan tanganmu terbelenggu pada lehermu dan jangan (pula) engkau terlalu mengulurkannya (sangat pemurah) nanti kamu menjadi tercela dan menyesal.”

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Di negara kita Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) merupakan badan berkanun yang diamanahkan untuk membantu tenaga kerja Malaysia menabung untuk persaraan selaras dengan Akta KWSP 1991.

Bagi membolehkan ahli mempunyai simpanan persaraan patuh syariah, KWSP telah menyediakan akaun KWSP yang diuruskan mengikut prinsip syariah iaitu **akaun Simpanan Syariah** bermula pada 1 Januari 2017.

Setelah 5 tahun akaun Simpanan Syariah diperkenalkan, ahli KWSP beragama Islam yang telah bertukar ke akaun Simpanan Syariah hanyalah sekadar 15%.

Manakala di negeri Sabah pula, hanya 5% ahli KWSP beragama Islam yang telah bertukar ke akaun Simpanan Syariah.

Keadaan ini tentulah amat menyedihkan dan membimbangkan, kerana masih ramai lagi daripada kita yang masih membiarkan simpanan persaraan mereka diuruskan secara konvensional. Rasulullah SAW bersabda:

يَأْتِي عَلَى النَّاسِ زَمَانٌ، لَا يُبَالِي الْمَرْءُ مَا أَخَذَ مِنْهُ، أَمِنَ الْحَلَالِ أَمْ مِنَ الْحَرَامِ

Maksudnya: “Akan datang suatu zaman nanti di mana seseorang sudah tidak lagi mengambil endah apa (pendapatan) yang diperolehinya, sama ada dari sumber halal ataupun haram”. (HR Al-Bukhari)

SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Bagi ahli KWSP yang beragama Islam, akaun Simpanan Syariah bukan lagi merupakan suatu pilihan tetapi sudah menjadi suatu kewajipan. Justeru kita perlu sedar akan **kepentingan untuk segera beralih ke akaun Simpanan Syariah**. Ini adalah kerana:-

PERTAMA: Akaun Simpanan Syariah akan **membantu ahli menyediakan simpanan persaraan yang boleh dimanfaatkan sepenuhnya** termasuk untuk

menunaikan ibadah haji dan umrah tanpa sebarang keraguan dan was-was ke atas sumber dana. Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah, ayat 172:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُلُوا مِن طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَاشْكُرُوا لِلَّهِ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿١٧٢﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah daripada benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu”.

Rasulullah (SAW) juga mengingatkan kita akan peri pentingnya untuk meninggalkan perkara yang haram dan syubhat dalam menyelamatkan agama dan kehormatan umat Islam.

KEDUA: Selain itu, ahli KWSP yang masih belum bertukar ke akaun Simpanan Shariah, secara tidak langsung telah membenarkan simpanan mereka diurus dan dilaburkan secara konvensional yang banyak terlibat dengan unsur-unsur yang bercanggah dengan Islam.

KETIGA: Antara perkara yang sering dikaitkan dengan pelaburan konvensional ialah unsur *riba* (faedah), *maysir* (perjudian) dan *gharar* (ketidak pastian di dalam kontrak) yang kerap terdapat di dalam pelaburan di sektor perbankan dan insurans serta instrumen kewangan konvensional.

SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH,

Bagi ahli yang telah bertukar ke akaun Simpanan Shariah, tentunya mereka akan beroleh ketenangan dan tidak lagi perlu bimbang dengan status simpanan serta dividen KWSP yang mereka terima saban tahun tidak akan dilaburkan di dalam instrumen kewangan konvensional atau syarikat perbankan konvensional yang mengamalkan perniagaan berasaskan riba lantaran simpanan mereka telah diuruskan mengikut prinsip syariah serta tertakluk kepada tadbir urus syariah yang dipantau oleh Jawatankuasa Penasihat Shariah KWSP.

Manakala bagi ahli KWSP beragama Islam yang belum lagi bertukar ke Simpanan Shariah, simpanan mereka akan diuruskan secara konvensional dan dividen yang diterima setiap tahun adalah hasil daripada pelaburan bercampur antara yang halal dengan haram.

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Muzakarah MKI) Kali Ke-87 yang bersidang pada 23-25 Jun 2009 telah membincangkan “Hukum Penyaluran Harta Tidak Patuh Syariah Ke Baitulmal Dan Institusi Islam Lain”, dan memutuskan bahawa:

“Di dalam Islam harta-harta yang diperolehi dengan cara yang tidak mematuhi syariah seperti riba, gharar, perjudian, penipuan, rompakan, rampasan, rasuah dan seumpamanya adalah haram dan tidak boleh digunakan untuk manfaat dan kepentingan diri sendiri serta perlu dibersihkan melalui kaedah-kaedah berikut:

- Diserah kepada Baitulmal untuk masalah-masalah umum umat Islam seperti membiayai pembinaan atau penyelenggaraan jambatan, jalan, tandas dan seumpamanya;
- Diserah kepada golongan fakir miskin”.

SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Bagi dividen KWSP 2021 yang diumumkan baru-baru ini, kadar dividen Simpanan Konvensional yang perlu disucikan dan dibersihkan adalah sebanyak **69%** daripada jumlah dividen yang telah dikreditkan ke akaun ahli.

Sebagai contoh sekiranya jumlah dividen yang diterima adalah sebanyak RM1,000.00 maka sejumlah RM690.00 tidak boleh dimanfaatkan dan perlu dibersihkan dengan diserahkan kepada Baitulmal atau faqir miskin. Penyucian dividen ini boleh dilakukan sama ada menggunakan simpanan KWSP yang boleh dikeluarkan sekiranya ada, atau menggunakan sumber kewangan lain yang dimiliki oleh ahli.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah sama-sama kita bermuhasabah dengan menghayati perkara-perkara berikut:

1. Seimbang dalam berbelanja dengan menyimpan sebahagian daripada pendapatan dan tidak boros dalam membelanjakannya adalah suatu sifat yang mulia yang dituntut di dalam Islam.
2. Pastikan simpanan kita diuruskan secara patuh syariah khususnya simpanan persaraan bagi ahli KWSP dengan beralih kepada akaun Simpanan Syariah yang boleh dilaksanakan secara dalam talian melalui i-Akaun KWSP atau di mana-mana kaunter KWSP yang berdekatan.

3. Harta yang diperolehi daripada sumber yang tidak patuh syariah seperti dividen KWSP daripada akaun Simpanan Konvensional adalah haram dan tidak boleh dimanfaatkan dan wajib dibersihkan.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ

الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ

الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ

وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

تيك س خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا

كباوه دولي يغ مها موليا سري فدوك بكيندا يغ دفرتوان أكوغ وَفَحَّامَةِ الرَّئِيسِ

الأعلى تون يغ تراوتام يغ دفرتوا نكري سابه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرِ

بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ، اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ

وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ،
 مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ. اللَّهُمَّ
 إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami kesejahteraan, keamanan, keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan. Jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai *Baldatun Tayyibah Wa Rabbun Ghafur* (بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبٌّ) (عَفُور)

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
 وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩١﴾
 فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
 وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Disediakan dan diedar oleh:
 Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
 Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
 Dengan Kerjasama
 Kumpulan Simpanan Wang Pekerja (KWSP)

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi
 Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am
 Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah
 Tingkat 4, Blok A, Wisma MUIS
 88737 KOTA KINABALU.



Pihak JHEAINS berusaha untuk mempertingkatkan kualiti khutbah Jumaat yang diterbitkan. Maklum balas dari pihak tuan/ puan amat dihargai. Sila semak QR code ini. Sekian, terima kasih.